

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)11

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

11. Setakat manakah proses perbincangan Kerajaan Negeri dengan pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) untuk mengambil alih projek kutipan sampah dan pembersihan di Pulau Pinang serta apakah jaminan jika diambil alih oleh SWCorp, ia tidak menjejaskan mutu perkhidmatan sedia ada?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri telah menghantar satu surat menyatakan hasrat untuk membuka rundingan bagi menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri Pulau Pinang pada 20 Mac 2024. Proses rundingan masih di peringkat di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mengemukakan data-data berkaitan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dijalankan sepanjang tahun 2021, 2022 dan 2023.

Syarat rundingan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan PBT sepanjang proses rundingan adalah untuk memastikan tahap mutu perkhidmatan serta kekerapan kutipan dan pembersihan awam setara atau lebih dengan apa sedang dilaksanakan di negeri Pulau Pinang sekarang ini.